



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KENYATAAN MEDIA

JABATAN PERHUTANAN DIARAH KENALPASTI KAWASAN BERISIKO TINGGI DAN LANGKAH MITIGASI DEMI KELESTARIAN SUMBER ASLI

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) mengambil perhatian ke atas insiden berlakunya lambakan kayu hanyut, puing, gelinciran tanah dan kejadian kepala air di beberapa buah negeri akibat berlakunya hujan lebat dan banjir besar.

Justeru, sebagai tindakan serta merta, saya telah mengarahkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bekerjasama dengan semua Pengarah Perhutanan Negeri supaya segera mengenalpasti kawasan berisiko tinggi (*hotspot*) di seluruh Semenanjung Malaysia. Pada masa ini, JPSM telah menggunakan aplikasi sistem *Forest Monitoring using Remote System* (FMRS) termasuk penggunaan dron bagi tujuan penguatkuasaan, pemantauan dan pengesahan perubahan litupan kawasan hutan secara *real time*. Saya juga telah mengarahkan JPSM untuk mengemukakan laporan tersebut serta langkah-langkah mitigasi yang boleh dilaksanakan dalam tempoh sebulan.

JPSM juga diminta mengenal pasti kawasan Taman Eko Rimba dan hutan-hutan lipur yang belum dipasang dengan sistem amaran awal untuk pemasangan segera bagi memastikan kawasan tersebut selamat kepada penduduk setempat dan orang awam.

Dalam sektor pengurusan perhutanan, dasar Kerajaan Persekutuan adalah jelas iaitu berasaskan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management - SFM*). Ia merangkumi pelaksanaan sistem tebangan memilih (*Selective Management System - SMS*) sejak tahun 1978, Catuan Tebangan Tahunan (CTT) sejak tahun 1981 dan persijilan pengurusan hutan berdasarkan *Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification* (MC&I) sejak tahun 2012. Selain itu, urus tadbir sektor perhutanan dikawal selia melalui Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dan ordinan/enakmen perhutanan di negeri-negeri.

Kerajaan turut memastikan pengawalan aktiviti pengusahaan di hutan tanah kerajaan melalui Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bertajuk ‘Panduan Amalan Baik Hutan (*Good Forest Practices*) untuk Pengusahaan Kayu Kayan Tanah Kerajaan’ pada tahun 2016. Ia sebagai rujukan utama kepada jabatan-jabatan perhutanan negeri. Garis panduan ini telah mengambil kira kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan biodiversiti hutan. Ia memberi penekanan terhadap beberapa amalan baik hutan seperti tidak membenarkan aktiviti pengusahaan semasa musim hujan, keperluan penyediaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Environment Impact Assessment - EIA*) bagi pengusahaan yang melebihi 500 hektar, penandaan kawasan pengusahaan dan larangan tebangan pokok dalam zon penampang sungai.

Dari aspek penyelarasan dasar antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri, Perkara 91(5) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan penubuhan Majlis Tanah Negara (MTN). Pembentukan MTN bertujuan menyeragamkan dasar-dasar bagi memaju dan mengawal penggunaan tanah bagi tujuan perlombongan, perhutanan, pertanian dan apa-apa maksud lain.

Mesyuarat MTN Ke-79 pada 2 Disember 2021 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah mengambil pendirian yang tegas berhubung dua perkara penting berkenaan kelestarian sumber asli negara iaitu pelaksanaan moratorium ladang hutan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 15 tahun serta pelaksanaan penguatkuasaan dan penyelesaian terhadap penerokaan haram dalam HSK di setiap negeri selewat-lewatnya pada 1 Jun 2022.

Selain itu, YAB Perdana Menteri juga telah menekankan agar semua kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia mengambil tindakan ke arah meningkatkan kawasan berhutan sedia ada dari 43.41% kepada 50% menjelang tahun 2040, selari dengan Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN4) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara Ke-39 pada 21 Oktober 2021.

KeTSA komited dalam memastikankekayaan sumber asli kita terus dijaga, diuruskan secara mampan dan digunakan secara bertanggungjawab. Dalam hubungan ini, saya menyeru semua pemegang taruh, termasuk kerajaan negeri selaku pengurus sumber asli di peringkat negeri untuk bersama-sama KeTSA memastikan dasar Kerajaan Persekutuan dilaksana dan dipantau demi pembangunan negara yang mampan dan masa depan generasi akan datang.

**YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

11 JANUARI 2022

